



TEKS UCAPAN ALUAN

MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PEJABAT RISDA NEGERI SARAWAK

OLEH

**YB. DATO' HJ. MOHD SALIM BIN MOHD SHARIF
PENGERUSI RISDA**

**PEJABAT RISDA NEGERI SARAWAK
2 JULAI 2020 (KHAMIS)
11.30 PAGI**

1. YB. Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad
Menteri Pembangunan Luar Bandar
2. YB. Dato' Henry Sum Agong
Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (II)
merangkap Ahli Parlimen Lawas
3. YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar
Bandar (KPLB)
4. YB. Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Undangan
Negeri Sarawak
5. YBhg. Dato' Hj. Norison binti Ramli

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) KPLB

6. Yang Berusaha En. Abdullah bin Zainal
Ketua Pengarah RISDA
7. Yang Berusaha Residen/Walikota Bahagian
8. YBhg. Dato'-Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan Ketua
Agensi KPLB dan Kerajaan Negeri Sarawak
9. YBhg. Setiausaha-Setiausaha Bahagian KPLB
10. Rakan-rakan Media

11. Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Syukur Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bertemu dalam Majlis Perasmian Bangunan Pejabat RISDA Negeri Sarawak pada hari ini.

2. Izinkan saya terlebih dahulu untuk mengalu-alukan tetamu kehormat kita, YB Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad,

Menteri Pembangunan Luar Bandar dan YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (II) merangkap Ahli Parlimen Lawas atas kesudian hadir dan seterusnya merasmikan Pejabat RISDA Negeri Sarawak pada hari ini. Seperti mana yang kita sedia maklum, sejak menerajui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, YB Menteri sendiri telah terlibat dengan banyak program RISDA. Kehadiran YB Menteri dan YB

Timbalan beliau pada hari ini amat dinanti-nantikan khususnya oleh warga kerja RISDA Sarawak.

YB Datuk dan para hadirin sekalian,

3. Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan awam berfokuskan rakyat, RISDA sentiasa bersedia meningkatkan penyampaian

perkhidmatan dengan memperluaskan jangkauan perkhidmatan yang lebih berkesan dan sepadan dengan norma serta kehendak rakyat khususnya pekebun kecil di Negeri Sarawak. Kewujudan Pejabat RISDA di seluruh Negara adalah berfungsi untuk menguruskan permohonan baru Program-Program Pembangunan RISDA seperti tanam semula, keusahawan, produktiviti,

pemasaran serta memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pekebun kecil.

4. Untuk makluman semua, Pejabat RISDA Negeri Sarawak telah mula beroperasi pada 16 Oktober 2008 dengan sewaan premis di Jalan Kulas, Kuching dan penubuhan sebuah Pejabat RISDA Bahagian di Betong dengan kekuatan staf seramai 14 orang pada waktu

tersebut. Pada tahun 2009, RISDA Negeri Sarawak telah berjaya mengembangkan operasinya dengan pembukaan (3) tiga lagi Pejabat RISDA Bahagian di Samarahan, Sibuan dan Miri.

5. Pembukaan pejabat-pejabat ini membuktikan bahawa RISDA sentiasa peka dan mengambil berat tentang keperluan rakyat di seluruh pelusuk negeri

Sarawak. Kita juga tidak mahu ada tembok penghalang di antara RISDA dengan pekebun kecil. Setiap pekebun kecil yang berada di negara ini adalah amanah kepada RISDA. Oleh yang demikian, Bangunan Pejabat RISDA Negeri Sarawak ini telah siap dibina pada 1 Januari 2019 di atas tanah seluas 2.4 hektar bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan pekebun kecil dapat dilestarikan dengan jayanya. RISDA akan terus mendampingi

pekebun kecil demi sebuah ikatan silaturrahim yang utuh
diantara RISDA dan Pekebun Kecil.

YB Datuk dan para hadirin sekalian,

6. Tahun 2020 dan mendatang akan terus memberikan
cabaran dari pelbagai sudut dengan persekitaran ekonomi
global dan tempatan yang lebih mencabar dalam suasana

pandemik COVID-19. Walau apapun cabaran ini, saya selaku Pengerusi RISDA, tetap percaya bahawa di bawah pimpinan YB. Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad dan barisan pimpinan di semua peringkat, RISDA mampu memberikan tahap prestasi perkhidmatan yang tinggi di samping terus kekal relevan dalam menerajui kemajuan pekebun kecil luar bandar.

7. Saya juga ingin berpesan agar pekebun kecil menggunakan segala manfaat kemudahan dan bantuan yang diterima dan terus menyertai program - program yang dirancang oleh kerajaan melalui RISDA. Saya juga mendoakan agar Tuan - Tuan dan Puan - Puan warga kerja RISDA Negeri Sarawak akan terus berusaha untuk memajukan pekebun kecil pada masa hadapan dalam meningkatkan pendapatan diri dan keluarga dan

seterusnya mengubah taraf hidup mereka kepada yang lebih tinggi. Azam dan kerjasama daripada semua pihak ini akan dapat menjayakan pelbagai aktiviti pembangunan luar bandar.

8. Akhir kata, bagi pihak RISDA, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, Menteri Pembangunan Luar

Bandar, YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri
Pembangunan Luar Bandar (II) dan semua tetamu
jemputan yang sudi hadir ke majlis pada hari ini. Semoga
majlis pada hari ini akan menjadi titik permulaan kepada
kemajuan masyarakat luar bandar di Sarawak.

Sekian,

Wabillahitaufig Walhidayah

Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.